

# 'Negara asing minat kaji kurikulum kita'

BH-15/5/2007.

## Unesco beri maklumat tahap pengiktirafan: Hishammuddin

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**K**URIKULUM Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) menjadi bahan kajian serta model pembangunan kurikulum beberapa negara di bawah kelolaan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau dimaklumkan perkara itu ketika mengadakan lawatan rasmi ke ibu pejabat Unesco di Paris, bulan lalu.

Sambil mengakui terkejut dengan makluman berkenaan, beliau berkata, selain itu sistem Pendidikan Islam pula diguna pakai sebagai kurikulum subjek Pengajian Islam di Afghanistan.

"Tiada sesiapa boleh menafikan sudah banyak kemajuan kita capai dalam bidang pendidikan. Pencapaian

ini mendapat pengiktirafan sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa.

"Di samping kejayaan pelajar dalam pelbagai kajian dan pertandingan berorientasikan akademik serta kokurikulum di luar negara, kurikulum kita guna pakai di sekolah sekarang dijadikan panduan pembangunan pendidikan negara lain.

"Saya sedar semua ini tidak akan berlaku tanpa sumbangan, pengorbanan dan kerja keras guru pada semua peringkat," katanya dalam perutusan khas sempena Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007, esok.

Pelancaran perayaan tahun ini akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pusat Konvensyen Antara-bangsa Persada Johor, Johor Bahru.

Hishammuddin berkata, beliau amat berharap komitmen serta iltizam guru diterus dan ditingkatkan kerana agenda membangunkan negara ke tahap lebih tinggi bergantung

kepada modal insan dilahirkan sistem pendidikan negara.

Beliau berkata, perayaan Hari Guru tahun ini diraikan bersama sambutan jubli perak kemerdekaan negara, menjadi lebih istimewa serta mempunyai nilai dan makna tersendiri bagi setiap warga.

Katanya, guru turut berjasa dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara, manakala sumbangan mereka dalam perjuangan mengisi kemerdekaan pula mendapat pengiktirafan tinggi.

"Sesungguhnya, profesion keguruan amat murni ini tidak pernah gagal menyumbang khidmat dan bakti. Sebagai ahli kepada keluarga besar warga pendidik, setiap guru perlu bermuhasabah diri.

"Menilai apakah tahap komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab, sejauh mana iltizam dalam menjunjung imej dan kedudukan profesion ini serta adakah sumbangan kita memadai untuk menjadi sebahagian daripada sejarah yang sedang dan

akan dicipta profesion keguruan pada era ini," katanya.

Mengenai Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pula, Hishammuddin berkata, guru sebagai penggerak barisan depan perlu mempunyai kefahaman sewajarnya bagi memastikan ia dapat digerakkan dengan berkesan.

Katanya, beliau berpuas hati dengan perkembangan dan pencapaian setakat ini setelah empat bulan PIPP dilancarkan dan setahun empat bulan gerak kerja dimulakan.

"Banyak faktor yang mendasari keberkesanan pelaksanaan PIPP, namun secara peribadi saya melihat kesungguhan dan komitmen pegawai serta guru saya adalah teras kepada kejayaan awal ini.

"Terima kasih cikgu, terima kasih kepada semua warga pendidik yang terbabit secara langsung mahupun tidak langsung melaksanakan pelan ini. Kita akan dapat menilai prestasi melalui 'report card' pertama yang bakal siap akhir Jun ini," katanya.